

# Persisi minta atur jadual kegiatan 1988

18 DEC 1987

KESEMUA sembilan perguruan silat yang bergabung dengan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) akan diminta supaya mengatur jadual kegiatan sepanjang 1988, bagi memastikan kegiatan silat di sini berjalan lancar dan berkesan.

Perancangan yang sistematis, menurut Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, perlu agar Rumah Silat yang akan dirasmikan pada 2 Januari tahun depan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya.

Menurut Encik Johari: "Mula tahun depan, Persisi harus bergerak cepat, bukan saja untuk mengembang dan meningkatkan lagi mutu silat di sini, malah kegiatan yang dijalankan haruslah boleh mendatangkan hasil bagi mengisi dana Persisi."

"Untuk itu, kami akan meliti sejauh mana kegiatan yang bakal dirancangkan oleh setiap perguruan itu sesuai

dan praktikal dengan kehendak masa."

Antara kegiatan yang Persisi telah rancangkan bagi 1988 ialah Pesta Seni Silat dalam Ogos akan datang, yang dijangka melibatkan negara-negara yang menyertai Kejuaraan Silat Sedunia Keempat di Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Bagaimanapun, kami akan hanya mengundang perguruan atau wakil yang diiktiraf oleh negara masing-masing, itu pun sekiranya kewangan dan tenaga yang diperlukan, mengizinkan," jelas Encik Johari.

Rumah Silat di Persatuan Rakyat, Kallang, yang telah siap dengan perbelanjaan \$25,000 dikeluarkan oleh Persatuan Jurulatih Seni Pertahanan Diri (SMAIA) itu, mempunyai sebuah gelanggang silat tertutup dan sebuah lagi terbuka, sebuah setor, kantin dan sebuah pejabat.

Persisi, kata Encik Johari,

akan menyumbang \$2,500 kepada SMAIA pada akhir bulan depan bagi membantu menyelenggarakan rumah tersebut dan juga kegiatan-kegiatan SMAIA yang lain.

Bantuan-bantuan selanjutnya akan diberikan mengikut kemampuan Persisi.

Selain daripada itu, Persisi yang mempunyai 2,600 pesilat daripada sembilan perguruan yang berdaftar, juga perlu melengkapkan rumah tersebut dengan keperluan-keperluan latihan seperti beg untuk latihan menumbuk, alat senaman dan pelindung badan.

"Kesemua alat itu dianggar menelan belanja tidak kurang daripada \$5,000. Kami yakin, dengan kerjasama setiap perguruan, wang tersebut boleh didapatkan," terang Encik Johari.

Rumah Silat itu akan dirasmikan oleh Anggota Parlimen Kawasanundi Kolam Ayer, Haji Sidek Saniff.

SILAT SEDUNIA/ Nilai hadiah

## MSN sedang mengkaji taraf kejuaraan

B. Harian (M)

18 DEC 1987

Oleh RAHIMUDDIN ABD RAZAK

MAJLIS Sukan Negara (MSN) belum memutuskan nilai hadiah layak diterima oleh 15 pesilat negara yang memenangi tiga pingat emas di samping beberapa perak dan gangsa di Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Haji Mohd Najib Tun Abdul Razak, berkata MSN masih mengkaji taraf kejuaraan silat itu sebelum membuat keputusan.

Di samping itu, katanya, MSN juga belum menerima sebarang permohonan daripada Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka) mengenai kedudukan pesilat-pesilat itu.

"Kita mesti mengkaji taraf kejuaraan itu supaya anugerah yang diterima bersesuaian dengan kejayaan mereka," katanya kepada Harian Sukan di Kuantan, kelmarin.

Empat daripada pesilat negara — Ahmad Wardi Salim, Wan Aminuddin Baki Abu Bakar, Ahmad Fauzi Othman dan Mazlan Shaari memenangi pingat emas di kejuaraan itu.

Ahmad Wardi membuka semangat pertama negara dengan mengutip emas pertama selepas bertindak cemerlang menguasai keseluruhan perlawanan dengan Faudilah Mohd Ahani dari Brunei dalam Kelas B.

Sentuhan emas kedua diperolehi melalui Ahmad Fauzi yang mengalahkan pesilat Sepanyol, Koldo Auzmendi dalam Kelas F.

Wan Aminuddin Baki, selain memenangi pingat emas untuk Kelas G, dianugerahkan Piala Pesilat Terbaik Dunia 1987 selepas menumpaskan Jarkoni dari Indonesia di perlawanan akhir.

Sementara Mazlan Shaari yang bertanding dalam kejuaraan Terbuka Kelas G, mengalahkan pesilat Belanda, Andela.

Datuk Seri Najib berkata, pihaknya akan mengumumkan bentuk hadiah mengikut Skim Perangsang yang akan diberikan kepada 15 pesilat itu apabila kajian siap dijalankan.

• Majlis Silat Negeri Melaka (MSNM) menyokong permohonan Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka) supaya MSN memberi Hadiah Kewangan Kerajaan kepada pesilat yang memenangi pingat di kejuaraan itu.

Setiausaha MSNM, Salim Kassim, berkata hadiah itu akan meningkatkan semangat pesilat-pesilat untuk membantu negara membaiki kecemerlangan di kejohanan-kejohanan antarabangsa.

"Apa yang penting, dengan hadiah daripada kerajaan, pesilat-pesilat terbabit boleh menggunakan untuk keperluan latihan," katanya.

Jika MSN mengakui kejuaraan itu setaraf dengan sukan dunia yang lain, pesilat-pesilat kebangsaan itu akan menerima \$80,000 (pingat emas), \$40,000 (perak) dan \$20,000 (gangsa).

Sementara itu, MSNM akan bermesyuarat 20 Disember ini untuk membincangkan permohonan bergabung dengan Majlis Sukan Negeri Melaka (MSN).

"Kami juga dijangka membincangkan langkah untuk mencalonkan juara silat Kelas B dunia Ahmad Wardi Salim untuk anugerah Olahragawan Melaka 1987," katanya.

Bagaimanapun, pesilat Melaka itu hanya layak dicalonkan untuk merebut gelaran itu jika MSNM bergabung dengan MSN.



■ DATUK SERI NAJIB